



## Tatabahasa – Kata Hubung

### Buku Teks muka surat 102 – Kita Sudah Berjaya

**SK : 5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.**

**SP : 5.1.6 Memahami dan menggunakan pelbagai kata hubung mengikut konteks dengan betul**

*Pilih kata hubung yang sesuai untuk melengkapkan petikan.*

lalu

seperti

sambil

manakala

tatkala

dengan

untuk

Pagi Ahad yang lalu, Amar, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang untuk membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun usia mereka masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan \_\_\_\_\_ cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain. Seterusnya, ketua kampung berdiri \_\_\_\_\_ memberikan taklimat

Selepas itu, mereka mula bekerja \_\_\_\_\_ tekun. Ada yang ditugasi \_\_\_\_\_ membancuh simen. Izuni menyediakan minuman \_\_\_\_\_ Iffah menyiapkan makanan.

Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan \_\_\_\_\_ menjelang tengah hari. Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat \_\_\_\_\_ menikmati hidangan.

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan bahawa hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.

